



PERBADANAN MELAKA

POLISI ANTIRASUAH PERBADANAN MELAKA

DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH
Ketua Menteri Melaka
Merangkap Pengerusi
PERBADANAN MELAKA

13 Mei 2025

KANDUNGAN

	PERKARA	MS
1.	PENDAHULUAN	3
2.	OBJEKIF	4
3.	KENYATAAN POLISI ANTIRASUAH PERBADANAN MELAKA	5
4.	TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN	6
5.	UNIT INTEGRITI MCORP	7
6.	KESALAHAN RASUAH	8
7.	SALAH GUNA KUASA	9
8.	TUNTUTAN PALSU	9
9.	PERATURAN BERKAITAN HADIAH	10
10.	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	11
11.	PERLINDUNGAN DAN JENIS-JENIS SALAH LAKU	12
12.	KAEDAH PERLAKSANAAN	13
13.	PANDUAN BERHADAPAN ISU RASUAH	14
14.	SALURAN ADUAN	15
15.	KEGAGALAN MELAPOR	16
16.	PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)	17
17.	PERUNUTUKAN UNDANG-UNDANG	18

PENDAHULUAN

Polisi Anti Rasuah Perbadanan Melaka (MCORP) ini diwujudkan bagi menerangkan mengenai peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Polisi ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta serta peraturan yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa.

Melalui Polisi ini, ianya sebagai satu kaedah pencegahan rasuah dan untuk memastikan bahawa orang yang bertindak bagi pihak MCORP juga mematuhi dasar anti-rasuah yang ditetapkan.

Polisi ini juga untuk memperkukuhkan komitmen MCORP untuk mempraktikkan tadbir urus terbaik melalui pengurusan risiko secara terancang dan berkesan demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada pihak berkepentingan di samping memastikan kawalan serta penambahbaikan dijalankan secara strategik dan berterusan.

OBJEKTIF

1

- Mengenalpasti dan mengambil tindakan berterusan serta langkah pencegahan bagi mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang liabiliti korporat atas kesalahan rasuah

2

- Memastikan kepatuhan terhadap polisi MCORP mengenai larangan penglibatan sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuas

3

- Memperkasakan satu hala tuju yang jelas di kalangan pegawai dan kakitangan MCORP untuk bersama-sama dalam usaha membanteras jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.



KENYATAAN POLISI SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH PERBADANAN MELAKA

Perbadanan Melaka (MCORP) komited untuk mempraktikkan tadbir urus terbaik melalui pengurusan risiko rasuah secara terancang demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada semua anggota kerja dan aktiviti organisasi dan perhubungannya dengan pihak-pihak berkepentingan melalui :

- a) Mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk perlakuan rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan komited untuk bertindak secara adil, professional dan berintegriti dalam semua urusan bagi memastikan segala ruang dan berkesan;
- b) Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan;
- c) Memastikan ianya bersesuaian dengan hala tuju Visi dan Misi MCORP;
- d) Mewujudkan proses yang boleh mengenal pasti, menganalisa, mencegah dan melaksana bagi mencapai Objektif Sistem Pengurusan Anti-Rasuah;
- e) Melaksanakan polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk perlakuan rasuah dan melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Anti-Rasuah yang melibatkan semua pihak berikut;
 - i. Semua Jabatan / Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka; dan
 - ii. Semua rakan niaga termasuk pembekal, kontraktor
- f) Menyediakan saluran serta menggalakkan pelaporan aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat MCORP;
- g) Memastikan kawalan serta penambahbaikan secara berterusan menerusi Sistem Pengurusan Anti-Rasuah MCORP (MS ISO 37001);
- h) Unit Integriti, MCORP bertindak secara berkecuali dan bertanggungjawab mengawal selia isu-isu integriti dan rasuah;
- i) Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana warga MCORP yang didapati tidak mematuhi Polisi Anti-Rasuah MCORP yang berkaitan.

DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH
Ketua Menteri Melaka
Merangkap Pengerusi
PERBADANAN MELAKA

13 Mei 2025

TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Pengurusan Atasan

Membuat pemantauan menyeluruh serta memberitumpuan kepada komunikasi dalaman supaya dapat mengambil tindakan proaktif dalam menangani gejala rasuah.

Warga MCORP

Melaporkan sekiranya terdapat aktiviti rasuah kepada saluran yang telah disediakan.

Identiti pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);

Memahami Polisi Anti Rasuah MCORP;

Memberi kerjasama sepenuhnya semasa prosiding siasatan dijalankan; dan

Menghadiri latihan berkaitan pematuhan Polisi Anti Rasuah.

Unit Integriti MCORP

Melaksanakan kawalan dalaman berkaitan sebarang kelakuan jenayah yang berlaku di dalam jabatan dan melaporkan kepada agensi berkaitan;


Memberi penerangan yang jelas kepada semua warga MCORP berkaitan sebarang pelanggaran tatakelakuan yang membolehkan pegawai diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan

Membuat penilaian, penyiasatan dan melaporkan aduan atau maklumat yang diterima daripada Pemberi Maklumat.

Segala penjelasan dan/atau maklumat berkenaan hal ehwal pengurusan integriti boleh diemail kepada integriti@mcorp.gov.my

UNIT INTEGRITI

UNIT INTEGRITI MCORP



KESALAHAN RASUAH

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kesalahan rasuah :

Perbuatan sama ada menawar, memberi, meminta atau menerima seperti wang, hadiah, perkhidmatan, upah dan sebagainya sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan bidang tugas individu tersebut.



Sabit kesalahan boleh dikenakan penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi di bawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009

AKTA	HUKUMAN
Seksyen 16 dan 17 Pencegahan Rasuah Akta Suruhanjaya Malaysia 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM 10,000 yang mana lebih tinggi
Seksyen 161 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 3 tahun atau denda atau kedua-duanya
Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574)	Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (a), (b), (f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

SALAH GUNA KUASA

Seseorang individu menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengansesuatu yang mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

AKTA	HUKUMAN
Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)	Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi

Penjawat awam yangterlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga **buang kerja** kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (a), (b),(c)(i).(c)(ii), (f) dan (g), Peraturan-Peraturan PegawaiAwam (Kelakuan danTatatertib) 1993.

TUNTUTAN PALSU

Seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (majikan/jabatan).

AKTA	HUKUMAN
Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)	Penjara tidakmelebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM 10,000 yang mana lebih tinggi

Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga **buang kerja** kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

PERATURAN BERKAITAN HADIAH



1

Semua warga MCORP tidak boleh meminta atau menerima segala bentuk hadiah seperti wang, hamper, tajaan percution, tambang percuma, perkhidmatan dan sebagainya daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi. Seseorang individu juga tidak boleh menerima hadiah yang tidak sepadandengan maksud ianya diberikan atau diterima dengan niat rasuah atau jenayah.



2

Sekiranya individu tersebut berada di dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, individu tersebut boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan kelulusan



3

Peraturan berkaitan penerimaan dan pemberian hadiah adalah seperti di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1998: Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam, Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993



4

Buku Log Terimaan Hadiah MCORP disediakan untuk diisi oleh mana-mana pegawai atau anggota yang menerima apa-apa hadiah sebagai rekod dan rujukan berkaitan terimaan hadiah kepada MCORP.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Polisi Pemberi Maklumat diwujudkan bagi tujuan berikut :

1

Menggalakkan kakitangan, orang awam, pembekal, kontraktor dan lain-lain pihak ketiga untuk melaporkan apa-apa pelanggaran tatakelakuan atau perbuatan rasuah samada yang sedang berlaku, disyakiakan berlaku atau yang telah berlaku, sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, salah laku dan penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan ke saluran yang telah ditetapkan tanpa rasa takut atau bimbang

2

Memberi keyakinan kepada kakitangan, orang awam, pembekal, kontraktor dan lain-lain pihak ketiga yang membuat pendedahan, bahawa mereka dilindungi dan disimpan secara rahsia serta tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak yang lain. Perlindungan tidak akan diberikan sekiranya Jabatan mendapati pendedahan tersebut dibuat dengan niat jahat atau untuk kepentingan peribadi

3

Menggalakkan pemberi maklumat mendedahkan aktiviti rasuah, penyelewengan dan sebarang bentuk salah laku

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi Maklumat akan diberikan perlindungan sebagaimana yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) iaitu :-

- (a) Melindungi maklumat sulit;
- (b) Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah ; dan
- (c) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan


JENIS-JENIS SALAH LAKU



KAEDAH PERLAKSANAAN

Aduan atau maklumat boleh disalurkan melalui surat, e-mel, telefon atau perjumpaan secara bersemuka. Mengadakan perjumpaan secara bersemuka dengan pemberi maklumat adalah penting bagi memastikan maklumat yang diberi adalah sahih.

Sekiranya pendedahan yang dibuat oleh Pemberi Maklumat didapati dengan niat jahat atau dakwaan yang tidak berasas atau berkaitan tuntutan yang remeh dan berunsur fitnah tindakan boleh dikenakan terhadap Pemberi Maklumat tersebut.



PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

TOLAK

Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran tersebut dan segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti MCORP.

Sekiranya mana-mana individu meneruma arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, individu tersebut hendaklah menolak arahan tersebut dan segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti MCORP.

LAPOR

Mana-mana individu yang mengetahui sesuatu kesalahan rasuah atau perkara-perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan telah, sedang atau akan berlaku hendaklah melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti.


Mana-mana individu diberitahu oleh mana-mana pihak berkaitan berlakunya kesalahan rasuah, maka individu tersebut hendaklah segera melaporkan kepada pegawai di Unit Integriti.

Mana-mana individu yang telah melaporkan berkaitan kesalahan rasuah hendaklah tidak mendedahkan maklumat atau pelaporan tersebut kepada mana-mana pihak yang lain.

Individu yang berkaitan hendaklah merahsiakan identiti pemberi maklumat bagi melindungi pemberi maklumat/ aduan tersebut daripada sebarang tindakan yang memudaratkan.


SALURAN ADUAN

Sebarang aduan sila laporkan melalui saluran berikut:



KEGAGALAN MELAPOR

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan kesalahan berikut:



PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)



PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Akta Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009

Seksyen 165 Kanun
Keseksaan - penjawat
awam menerima benda
berharga

Seksyen 213 - 215
Kanun Keseksaan -
mengambil hadiah,
menawarkan hadiah

Peruntukan Undang-undang

Seksyen 403 - 409
Kanun Keseksaan -
pecah amanah
jenayah

Akta Pencegahan
Pengubahan Wang Haram,
Pencegahan Pembiayaan
Keganasan dan Hasil
Daripada Aktiviti Haram
(AMLATFPUAA)

Ordinan Darurat No.
22, 1970 - Kesalahan
salah guna kuasa dan
percanggahan
kepentingan

DISEDIAKAN OLEH;

Unit Integriti & Kualiti
Perbadanan Melaka
Aras 4-11, Menara MITC
Jalan Konvensyen, Kompleks MITC,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Emel: integritimcorp@gmail.com

